

# **CABARAN PELAKSANAAN PEMBUBARAN PERKAHWINAN DI SELATAN THAI**

Oleh:

Mahyidin b. Hamat<sup>1</sup>  
Zuliza bt. Mohd Kusri<sup>2</sup>  
Mohd Nasran b. Mohamad<sup>3</sup>

## **Abstrak**

*Hukum syarak telah diperkenalkan seawal zaman kegemilangan Melayu Patani, walau bagaimanapun selepas tahun 1933 hanya sebahagian sahaja undang-undang Islam dilaksanakan di wilayah-wilayah Selatan Thai iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satul. Pelaksanaan Pentadbiran Islam di Selatan Thailand tanpa mahkamah khusus dan dikendalikan oleh Dato' Yutitham selaku kadi menyebabkan wujud beberapa cabaran yang perlu kepada kajian khusus. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti cabaran-cabaran pembubaran perkahwinan di Selatan Thai. Kajian ini juga menganalisi bidangkuasa Dato' Yutitham dan kelayakannya dalam menjawat dalam jawatan ini. Metodologi kajian ini ialah secara analisis dokumen dan temubual separa struktur dengan mereka yang berkenaan. Data-data yang diperoleh dianalisis secara diskriptif. Hasil kajian yang diperoleh mendapati pentadbiran dan bidangkuasa Dato' Yutitham amat terhad dan pentadbiran undang-undang keluarga dan pusaka Islam amat lemah dan masih tiada perubahan sehingga kini.*

**Kata Kunci:** Cabaran, Ketiadaan Mahkamah Khusus, Pegawai Yang Tidak Terlatih, Kekangan Kerajaan Thailand

---

<sup>1</sup> Mahyidin b. Hamat, calon Phd. di Jabatan Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. Bangi.

<sup>2</sup> Zuliza bt. Mohd Kusri (Prof. Madya), pensyarah Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor.

<sup>3</sup> Mohd Nasran b. Mohamad (Profesor, Mantan Dekan), pensyarah Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi Selangor.

## PENGENALAN

Pepatah ada mengatakan lain padang lain belalangnya. Begitulah juga lain negara lain pentadbirannya dan lain undang-undangnya. Itulah yang berlaku di Selatan Thai yang terdiri daripada empat wilayah iaitu Narathiwat, Yala, Patani dan Setun yang majoritinya didiami oleh orang-orang Melayu beragama Islam. Sistem perundangan Islam di Selatan Thai amat berbeza dengan sistem perundangan Islam di negara-negara Asia yang lain seperti Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia dan Filipina. Perbezaan ini dapat dilihat apabila negara-negara Asia tersebut masing-masing mempunyai undang-undang keluarga Islam yang tersendiri dibawah penyelenggaraan mahkamah bagi menyelesaikan kes-kes perceraian rumah tangga seperti *talāq*, *ta'liq*, *faskh*, *khulu*<sup>c</sup> dan sebagainya walaupun ada beberapa negara Asia tersebut mempunyai majoriti penduduk bukan beragama Islam.

## TIADA MAHKAMAH KHUSUS MEMBICARAKAN KES-KES PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN ORANG-ORANG ISLAM

Wilayah di Selatan Thai tidak mempunyai Mahkamah Syariah untuk mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan pembubaran perkahwinan seperti *talāq*<sup>4</sup>, *ta'liq*, *khulu'*, *faskh* dan sebagainya. Kebanyakan umat Islam di Selatan Thai merujuk kepada Pejabat Majlis Agama Islam di wilayah masing-masing dan seterusnya pejabat Majlis Agama Islam dijadikan sebagai tempat untuk membicarakan masalah kes perceraian. Walaupun terdapat mahkamah setiap wilayah, mahkamah tersebut adalah Mahkamah Sivil dan bukan Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, Mahkamah Sivil hanya mengendalikan kes-kes tertentu sahaja seperti kes harta pusaka yang tidak dapat diselesaikan secara damai antara dua pihak suami dan isteri. Kes seumpama ini akan diputuskan oleh *Dato' Yutitham*<sup>5</sup> setelah mendapat keterangan secara jelas daripada Majlis Agama Islam dan saksi-saksi yang dipercayai. Secara jelas dapat dilihat bahawa mahkamah yang diwujudkan pada setiap wilayah bukanlah berfungsi sepenuhnya kepada umat Islam di Selatan Thai apabila mahkamah tersebut hanya memperuntukkan kes-kes tertentu sahaja bagi mereka. Jadi, bagi kebanyakan umat Islam di Selatan Thai yang berhasrat dan ingin memohon untuk bercerai, mereka hanya melaksanakannya di hadapan

<sup>4</sup> *Talāq* pada bahasa ialah cerai atau putus, pada istilah pula ialah melepaskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafadz talak atau cerai dan seumpamanya.

<sup>5</sup> *Dato' Yutitham* ialah Hakim yang mewakili pihak orang Islam memutuskan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan Islam.

imam-imam masjid dikampung tempat mereka bermastautin. Sekiranya kes perceraian di hadapan imam dapat diselesaikan secara baik antara suami dan isteri dari segi nafkah, penjagaan anak, harta sepencarian dan sebagainya, maka imam dapat mengeluarkan surat cerai yang sah bagi perceraian secara *talaq*.

Bagi perceraian secara *ta'līq*<sup>6</sup>, *faskh*<sup>7</sup>, *khulu*<sup>8</sup>, *li'ān*<sup>9</sup> dan sebagainya, kes ini tidak dapat diselesaikan dihadapan imam. Mereka mesti membuat permohonan pembubaran perkahwinan di Majlis Agama Islam di wilayah tempat mereka bermastautin. Majlis Agama Islam Wilayah akan menfailkan pembubaran perkahwinan yang dipohon setelah mendapat keterangan antara dua pihak iaitu suami dan isteri yang ingin bercerai dan dua orang saksi yang dipercayai daripada pihak yang mendakwa. Sekiranya kes ini tidak dapat diselesaikan peringkat Majlis Agama Islam Wilayah menyebabkan rasa tidak puas hati di antara pihak suami atau pun isteri, maka kes ini akan dibawa ke peringkat Mahkamah Wilayah yang diadili oleh *Dato' Yutitham* yang dilantik oleh kerajaan untuk memutuskan kes tersebut secara muktamad setelah mendapat keterangan dengan majlis Agama Islam Wilayah dan keterangan-keterangan daripada kedua-dua saksi yang dipercayai.<sup>10</sup>

Cabaran yang dihadapi oleh kadi atau *Dato' Yutitham* dengan ketiadaan mahkamah yang khusus, *Dato' Yutitham* atau hakim tidak diberi kuasa sepenuhnya untuk melakukan penyiasatan dan membuat keputusan mengikut langkah-langkah menurut hukum Islam. Di samping itu jawatan kadi atau *Dato' Yutitham* tidak sama tarafnya dengan jawatan hakim dari segi elauan dan gaji. Kadi atau *Dato' Yutitham* tidak luas peranannya iaitu hanya sekadar hadir dalam kes perbicaraan dan boleh tidak membuat apa-apa keputusan walaupun kes itu tidak selari atau bersalah dengan hukum Islam. Dari segi gaji dan elauan bulanan pula, mereka ini ibarat

---

<sup>6</sup> *Ta'līq* ialah sesuatu yang dijadikan syarat oleh suami untuk menjatuhkan talak.

<sup>7</sup> *Faskh* ialah pemisahan atau memutuskan ikatan perkahwinan antara suami isteri melalui kuasa kadi atau dengan perintah kadi kerana sesuatu sebab yang diharuskan oleh syarak.

<sup>8</sup> *Khulu'* bermaksud tebus talak. Menurut ulama fikah pula. *Khulu'* ialah bercerai dengan menggunakan harta benda. Dengan kata lain isteri menebus dirinya dari suami dengan memberi bayaran.

<sup>9</sup> *Li'ān* pada bahasa ialah “menjauhkan diri daripada kebaikan”. Mengikut pengertian syarak pula, *li'an* ialah kalimah tertentu yang menjadi senjata kepada orang yang terdesak, kerana menuduh seseorang yang telah mengotori kesucian rumah tangga serta memberi malu kepadanya. Ia juga dilakukan dengan tujuan menafikan keturunan seseorang anak.

<sup>10</sup> Drc. Abd. Halem Hiley. 2013 Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Yala. Temubual pada 4 September 2014.

seperti gaji budak pejabat (*office boy*) yang mana hanya sekadar 5000 bath iaitu RM500 sahaja. Ini tidak sesuai dan tidak sepatutnya berlaku kepada *Dato' Yutitham* atau Kadi selaku orang yang dihormati dan disanjungi dalam kalangan masyarakat Islam.

## **BIDANG KUASA DAN SYARAT LANTIKAN KE JAWATAN *DATO' YUTITHAM* YANG TERHAD**

Dalam undang-undang Thai, *Dato' Yutitham* adalah hakim atau orang yang membicarakan kes. Jawatan *Dato' Yutitham* wujud sekitar tahun *Rattanakosing* (R.S) 120 (B.E. 2444) buat pertama kalinya. Pada masa itu, *Dato' Yutitham* dikenali sebagai Tok Kadi. Mengikut peruntukan undang-undang, *Dato' Yutitham* berperanan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan pusaka. Beliau juga ditugaskan untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk menyiasat dan mengawasi pegawai-pegawai kerajaan dalam kawasan ini untuk mengetahui sejauhmana penguasaan bahasa Melayu untuk diberi saguhati.<sup>11</sup>

Mengikut peruntukan undang-undang, syarat-syarat perlantikan *Dato' Yutitham* adalah mencukupi sekiranya ada ilmu pengetahuan dan beragama Islam. Hal ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan Thai tidak memandang serius terhadap jawatan tersebut kerana sesiapa sahaja boleh menjawat jawatan yang penting ini.

### **a) Kuasa *Dato' Yutitham***

Semenjak dilaksanakan akta khas pada tahun 1901 atau Akta Pemerintahan Tujuh Kawasan Negeri R.S. 120, jawatan ini lebih dikenali sebagai To' Kali atau To' Kathi yang berperanan sebagai hakim. Seterusnya, pada 24 September 1917, satu surat arahan daripada kementerian Keadilan untuk mengubah istilah To' Kali atau To' Kathi yang bertindak selaku pemutus undang-undang Islam kepada *Dato' Yutitham*.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Sekiranya *Khaluang Thesaphibal* dan *Dato' Yutitham* berpuas hati dengan pegawai kerajaan yang dapat bercakap dalam bahasa Melayu, maka *Khaluang Thesaphibal* akan menghadiahkan 100 bath (RM 10) sebagai saguhati. Lihat Seksyen 28 *Kodmai Kha Bangkab 7 Hua Muang R.S. 120* (1901), (Akta Pentadbiran 7 Kawasan Negeri)

<sup>12</sup> Dato' Aziz Benhawan (1990), "Kadi di Selatan Thai", *Syariah Law journal*, vol. 6, Oktober 1990, h. 66 dan Ahmad Omar Chapakia (2001), "Undang-Undang Pentadbiran Islam di Thailand" (Kertas Kerja Seminar Kerajaan Negeri Pahang bersama

Mengikut definisi Kamus Thai (*Bandit Starn*), *Dato' Yutitham* ialah seorang yang berpengetahuan dalam hal ehwal agama Islam. Mengikut perspektif undang-undang Thailand pula, *Dato' Yutitham* adalah seorang yang diberi kuasa untuk memutuskan sesuatu kes yang berkaitan dengan soal kekeluargaan dan harta pusaka mengikut Islam.<sup>13</sup> Jawatan ini setaraf dan standing dengan para kadi atau hakim-hakim am yang memainkan peranan penting dalam proses perbicaraan di mahkamah.<sup>14</sup> Oleh itu kualiti pentadbiran undang-undang Islam lazim tertakluk kepada beberapa faktor yang berkait rapat dengan *Dato' Yutitham* itu sendiri. Ini termasuklah dari aspek personalitinya, status, cara memilih, cara pelantikan dan cara pengendalian kerja.

Ini jelas terbukti bahawa *Dato' Yutitham* adalah salah seorang yang ditugaskan untuk membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Namun, pemakaian undang-undang tersebut tidak meliputi keseluruhan undang-undang Islam kerana *Dato' Yutitham* tidak berhak untuk mengadili keterangan fakta bagi sesuatu kes. Seksyen 3 Akta pemakaian Undang-undang Islam 1946 menyatakan,

*“Dato' Yutitham berkuasa memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Undang-undang Islam dan tidak berkuasa membicara keterangan fakta bagi sesuatu kes”*

Dengan itu, jelaslah bahawa *Dato' Yutitham* tidak diberi kuasa sepenuhnya dalam pelaksanaan Undang-Undang Islam. Bahkan beliau sekadar pemutus dan penimbangtara bagi sesuatu kes yang telah dibicarakan oleh hakim am serta menandatangannya sebagai salah seorang anggota kumpulan sahaja. Oleh yang demikian, hal ini amatlah bertentang dengan konsep kadi yang berkuasa sepenuhnya.<sup>15</sup>

Keputusan yang dibuat oleh *Dato' Yutitham* tidak dilaksanakan sepenuhnya berbanding dengan keputusan yang dibuat mengikut Undang-undang Sivil. Ini adalah Undang-undang Sivil wajib dipatuhi oleh semua

---

Institut Kefahaman Islam Malaysia di Dewan Besar kolej Islam Pahang, 15-16 hb. Oktober 2001), h.13.

<sup>13</sup> Arong Suttasana (1987), Syariah And Codification- Thailand Experience, *Syariah Law journal*, vol.4, januari 1987, h.134-135.

<sup>14</sup> Seksyen 4 Akta Pemakaian Undang-Undang Islam, dalam pemutusan kes di Mahkamah Rendah hendaklah mengikut seksyen 3 yang menyatakan: “Diizinkan kepada *Dato' Yutitham* untuk bersama Hakim Am dalam mengendalikan sesuatu proses hukum.

<sup>15</sup> Munir Muhammad (1978), *Kodmai Islam* (Undang-Undang Islam), *Kerungteap: Samnak Pim Saisarnfan*, h. 86

golongan rakyat, manakala Undang-undang Islam tidak diwajib dipatuhi oleh setiap umat Islam di negara ini. Contohnya dalam perkahwinan seorang muslim yang didaftarkan mengikut Undang-undang Sivil dan kemudiannya berlaku perceraian, maka perceraian tersebut sah dan berkesan mengikut hukum syarak. Jika kes ini diadukan kepada *Dato' Yutitham*, maka perceraian tersebut akan berkuatkuasa. Namun, sekiranya pihak defenden membantah dengan menyatakan bahawa perkahwinannya telah didaftarkan mengikut Undang-undang Sivil dan mesti didaftarkan perceraianya mengikut Undang-undang Sivil maka perceraian tersebut tidak dianggap sah hinggalah ianya didaftarkan. Selagi perceraian itu tidak didaftarkan, maka perkahwinannya masih dianggap sah dan masih berjalan mengikut undang-undang kecuali salah satu pihak meninggal dunia atau mahkamah mengeluarkan perintah membubarkan perkahwinan tersebut.<sup>16</sup>

**b) Status *Dato' Yutitham***

Mengikut Seksyen 6(2) Akta Peraturan *Kharachkan Fai Tu'lakarn* (2002) yang menyatakan bahawa *Dato' Yutitham* adalah salah seorang pegawai kerajaan di jabatan kehakiman. Beliau berperanan sebagai pemutus dan penimbangtara dalam hal-hal yang berkaitan dengan perundangan Islam. Oleh itu, statusnya adalah berkait rapat dengan peraturan tersebut sebagaimana yang diperuntukkan kepada beliau.

Dari segi perjawatan pula, *Dato' Yutitham* mendapat gaji bulanan yang jauh lebih rendah berbanding dengan hakim am. Seksyen 6 Akta *Kharachakarn Tu'lakarn* (Pegawai kehakiman) 1946 menyatakan:

*“Dato’ Yutitham mendapat gaji bulanan mengikut senarai akaun, Jika dibandingkan jawatan tersebut, maka ia bertarafkan dengan taraf pegawai kerajaan gred 6”.*

Ini bermakna, gaji *Dato' Yutitham* tidak dinaikkan melebihi tahap pegawai rakyat gred 6 walaupun telah menunaikan tugasnya dengan baik dan berkesan. Perkataan “setaraf dengan pegawai Rachakarn gred 6” telah dipinda apabila akta yang terbaru telah memperuntukkannya dalam Seksyen 52(4) Akta *Kharachakarn Tu'lakarn* B.E 2543 (2000) yang menyebut:

---

<sup>16</sup> *Dato' Yutitham* Ibrahim b. Sulaiman, Hakim Mahkamah Sivil Patani, temubual pada 19 Ogos 2014.

*“Bahawa gaji bulanan dinaikkan pada setiap tahun kecuali sekiranya beliau telah mendapat gaji dalam proses yang cukup tinggi mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh ahli kehakiman”.*

## **PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG ISLAM YANG TERHAD**

Seksyen 3 Akta Pemakaian Undang-undang Islam B.E 2489 (1964) menyebut:

*“Undang-undang Islam hanya diperuntukkan pada empat wilayah selatan, tidak di wilayah-wilayah lain di dalam negara”.*

Bermakna pengkuatkuasaan adalah dikhaskan pada empat wilayah selatan sahaja. Oleh sebab itulah, perlaksanaan undang-undang Islam tidak diperluaskan kepada kawasan-kawasan lain seperti Songkla, Bangkok, Krabi dan sebagainya.

Dengan tiada peruntukan Undang-undang Islam di wilayah-wilayah berkenaan, maka penduduk Islam di sana menghadapi pelbagai masalah undang-undang. Mereka turut tertekan dan berada dalam keimbangan seperti dalam soal perkahwinan, perceraian dan pembahagian pusaka. Dalam pembahagian harta pusaka, undang-undang Islam menentukan dua bahagian kepada lelaki dan satu bahagian kepada wanita. Kadangkala ada juga pihak wanita yang tidak berpuas hati terhadap pembahagian tersebut kerana mendapat bahagian yang sedikit berbanding hak yang diperolehi mengikut undang-undang sivil. Oleh itu, mereka membuat tuntutan kes harta pusaka ke Mahkamah sivil.

Justeru, akta ini hanya dikhaskan kepada soal-soal yang berkaitan dengan kekeluargaan dan harta pusaka yang dituntut di mahkamah sahaja dan tidak di luar mahkamah. Setiap pertikaian atau masalah diselesaikan di dalam mahkamah. Sekiranya dijalankan di luar mahkamah, maka keputusan itu dianggap tidak sah. Maka undang-undang yang terpakai di mahkamah ialah Undang-undang Islam. Sebaliknya, kalau kes itu di bawa ke jabatan pentadbiran kerajaan sama ada pada peringkat daerah atau wilayah, maka sudah tentu keputusan yang dibuat adalah berdasarkan Undang-undang Sivil.

## **TIADA PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BERKENAAN PENDAFTARAN DAN PERCERAIAN**

Jika melihat kepada Undang-undang Keluarga Islam 1945 di Selatan Thai masih ada kekurangan dan kelemahan walaupun secara keseluruhannya menjelaskan tentang pengenalan dalam *talāq* seperti jenis-jenis *talāq*, definisi *talāq*, syarat sah bagi *talāq*, lafaz *talāq*, *talāq* secara bertulis, isyarat dalam *talāq*, *talāq* adalah milik suami, wali dalam *talāq*, kiraan *talāq*, *talāq raj'i*, *talāq bā'in*, pelimpahan hak *talāq* kepada isteri, suami memberi hak kepada isteri untuk *talāq*, suami melantik wakil untuk *talāq*, *talāq* dengan menerima imbalan dan sebagainya. Namun begitu, dalam Undang-undang Keluarga dan Pusaka Islam di Selatan Thai masih ada kekurangan dan kelemahan iaitu undang-undang ini tidak disebut dan tidak dicatat dalam aturan ini. Contohnya, berkenaan pendaftaran pembubaran perkahwinan, Pada hal perkara ini merupakan perkara yang penting untuk melindungi hak dan kewajipan bagi kedua-dua pihak suami isteri menurut undang-undang. Impaknya, jika seseorang hendak melakukan pembubaran perkahwinan, maka ia boleh melakukannya sekehendak hatinya atau hanya boleh diselesaikan dihadapan imam masjid dan ia tidak perlu merekodkannya di Majlis Agama Islam atau di mahkamah. Oleh kerana dalam undang-undang ini tidak disebutkan aturan mengenai pendaftaran pembubaran perkahwinan atau tidak menyebutkan tentang pengambilan tindakan bagi sesiapa yang tidak mendaftar pembubaran perkahwinannya, ia menjadi satu masalah yang sering timbul dalam kalangan masyarakat Islam di Selatan Thai.

Selain itu, sesuatu kekurangan dan kelemahan yang sangat jelas dalam undang-undang ini ialah dalam bahagian *faskh* Undang-undang Keluarga dan Pusaka Islam di Selatan Thai, ia tidak menyebutkan tempoh masa yang berkaitan dengan alasan untuk *faskh* seperti tempoh dalam keadaan yang tidak diketahui keberadaan suami atau isteri, tempoh suami cuai dalam nafkahnya, tempoh suami atau isteri telah gila, tempoh suami atau isteri tidak menunaikan kewajipan dalam perkahwinan seperti nafkah batin dan tempoh anggapan mati.

Undang-undang Keluarga dan Pusaka Islam yang digubal oleh alim ulama Islam diiktiraf oleh Kerajaan Thai dan umat Islam seluruhnya adalah dalam bahasa Thai sepenuhnya. Artikel-artikel yang diperuntukkan dalam bahasa Thailand menyebabkan tidak semua umat Islam di Selatan Thai dapat memahami dengan betul dan tepat. Malah ada segelintir daripada umat Islam mengganggap ia sebagai Undang-undang Sivil Thai dan bukannya Undang-undang Keluarga Islam. Terkadang istilah undang-

undang yang digunakan dalam bahasa Thai lari maksudnya daripada istilah yang dikehendaki oleh hukum syarak. Walaupun ada usaha-usaha untuk menterjemahkan ke dalam tulisan Jawi oleh alim ulama, hanya ia tidak diiktiraf dan tidak diguna pakai dalam perundangan dan penghakiman. Bahasa Thailand itu jugalah yang digunakan dan diakui oleh kerajaan Thai walaupun menyalahi istilah hukum syarak. Hal ini juga menjadi salah satu punca kelemahan dalam perundangan Islam untuk dimartabatkan oleh umat Islam.<sup>17</sup>

Selain daripada itu akta ini juga (Akta Pemakaian Undang-undang Islam di Empat Wilayah Selatan Thai B.E 2489, 1946), menetapkan perbicaraan mestilah dihadiri oleh *Dato' Yutitham* dan hakim am. Hakim am bertanggungjawab membuktikan kesahihan fakta mengikut undang-undang keterangan, manakala *Dato' Yutitham* pula bertanggungjawab memutuskan kes berdasarkan Undang-undang Islam. Di sini ia membuktikan bahawa perbicaraan kes di sebuah mahkamah terhadap kes-kes yang melibatkan hal ehwal agama Islam adalah begitu rendah statusnya kalau jika dibandingkan dengan Undang-undang Sivil negara. Pembuktian pelbagai kes dan kesahihan fakta diserahkan kepada hakim am. Kelayakan hakim am untuk mengendalikan prosiding undang-undang keterangan Islam dan orang yang memegang jawatan *Dato' Yutitham* boleh menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat Islam. Ini kerana sistem prosidingnya dalam perbicaraan sebuah kes melibatkan hal ehwal orang Islam di mahkamah negara ini ditentukan oleh hakim am. Hakim am hanya akan mengendos pendapat *Dato' Yutitham* yang berkaitan dengan hukum syarak.

## **KEKANGAN DARI PEMERINTAH KERAJAAN SIAM/ MASALAH BIROKRASI**

Atas dasar memperluaskan taklukan di kawasan Selatan Thai, maka pihak Kerajaan Siam berjaya menakluk kawasan-kawasan Melayu seperti Patani dan Satul. Maka dinamakan kawasan ini oleh Kerajaan Siam sebagai “Selatan Thai”. Kebanyakan penduduk di Selatan Thai ini adalah terdiri daripada masyarakat Melayu yang beragama Islam. Mereka mempunyai latar belakang sejarah, agama, bangsa dan budaya yang berlainan dengan penduduk majoriti negara yang beragama Buddha. Di atas senario ini, empat buah wilayah selatan dianggap sebagai kawasan sensitif dalam politik pemerintah Kerajaan Siam. Menjelang tahun 1943, keadaan

---

<sup>17</sup> Abdul Rahman b. Abdul Samad, mantan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Temubual pada 5 September 2010.

masyarakat Islam di Selatan Thai bertambah genting apabila Kerajaan Siam mengambil langkah membatalkan Undang-undang Keluarga dan Pusaka Islam yang telah diluluskan pada 24 September 1917 serta memansuhkan jawatan *Dato' Yuttitham*. Ekoran daripada itu, masyarakat Islam dipaksa menerima Undang-undang Sivil negara yang bercanggah dengan syariat Islam. Kini mereka tidak lagi mempunyai hakim dan kadi, Oleh itu untuk menyelesaikan masalah mereka akan pergi menemui kadi di negeri-negeri Tanah Melayu yang terdekat seperti Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis.

Tindakan membatalkan Undang-undang Islam pada tahun 1943 menjadi sebab utama berlakunya ketegangan dan kekacauan politik di Selatan Thai. Penduduk Islam tidak berdiam diri malah menuntut kerajaan Siam mengekalkan Undang-undang Islam yang sedia ada. Melalui tindakan tersebut, akhirnya Kerajaan Siam mengeluarkan akta baru yang dinamakan “Akta Menggunakan Undang-undang Islam di Kawasan Wilayah Patani, Narathiwat, Yala dan Satun, 1945. Jawatan *Dato' Yuttitham* dihidupkan kembali dengan meletakkan dua orang *Dato' Yuttitham* pada mahkamah wilayah di empat buah wilayah Selatan Thai.<sup>18</sup>

Walaupun umat Islam di Selatan Thai dapat menghayati dan melaksanakan Undang-undang Islam sepenuhnya tetapi mereka masih lagi terikat dan diikat di bawah Undang-undang Sivil yang menjadi undang-undang tertinggi di negara Buddha ini. Terdapat beberapa kes yang berlaku di kalangan umat Islam seperti harta pusaka, perkahwinan bawah umur, poligami, konflik agama antara orang Islam dengan murtad dan beberapa lagi kes umat Islam tidak dapat diputuskan melainkan diputuskan oleh Mahkamah Sivil yang amat jelas bercanggah dengan syariah Islam.

Dalam menghadapi cabaran ini, umat Islam di selatan Thai sentiasa memberontak dan melahirkan rasa tidak puashati terhadap kerajaan Siam dan mereka sentiasa berjuang dan berjihad untuk menuntut Undang-undang Islam ditegakkan serta menuntut pembebasan daripada duduk di bawah pemerintah Kerajaan Siam. Atas tindakan umat Islam ini, kebanyakannya daripada mereka dibunuh, dipenjara dan diseksa dengan kejamnya oleh tentera-tentera kerajaan Siam sebagaimana berlaku di Masjid Kersik, Yala dan Tak Bar.<sup>19</sup>

---

<sup>18</sup> Dr. Ahmad Omar Chapakia. Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Patani. Temu bual pada 8 Julai 2010.

<sup>19</sup> Abd. Haleem Heley, 2013. Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Temubual pada 4 September, 2014

## **KONFLIK UNDANG-UNDANG ISLAM DENGAN UNDANG-UNDANG SIVIL**

Konflik ini berlaku dalam pelbagai bidang perundangan. Sesetengah daripadanya berlaku apabila undang-undang jenayah dikuatkuasakan kepada sesetengah kes yang berkaitan dengan undang-undang Islam seperti apabila mengahwinkan perempuan yang berada di bawah umur. Contohnya, perkahwinan seseorang perempuan yang berumur 13 tahun. Perkahwinan ini memang bercanggah dengan Seksyen 227 Akta Undang-undang Jenayah Sivil walaupun perkahwinan tersebut dipersetujui dan direstui oleh perempuan itu sendiri. Berpandukan kepada Undang-undang Islam didapati bahawa perkahwinan di bawah umur adalah sah dan boleh dikahwinkan, lebih-lebih lagi apabila umur telah mencapai usia tahap baligh mengikut ajaran Islam.<sup>20</sup>

Konflik ini berpunca apabila jabatan polis bertegas menyatakan bahawa perkahwinan di bawah umur adalah menyalahi undang-undang. Oleh itu, konflik ini menjadi bertambah serius apabila mahkamah mengeluarkan keputusan terhadap perkara berkenaan. Apabila seseorang lelaki muslim berkahwin dengan seorang perempuan di bawah umur, perkahwinan ini adalah sah mengikut perspektif undang-undang Islam, Namun demikian, lelaki tersebut tetap akan dituduh menyalahi Seksyen 277 Akta Undang-undang Jenayah Sivil<sup>21</sup>. Seterusnya konflik juga berlaku dalam Undang-undang *Peang* (Keluarga dan Harta Pusaka) apabila sebidang tanah yang dipertikaikan telah dipindah hakmilik kepada seseorang yang lain.<sup>22</sup> Sebarang harta pusaka yang telah dipindahkan hakmiliknya kepada orang lain perlu mendaftarkan harta tersebut kepada pihak kerajaan untuk pengesahan pemilikan.

Seksyen 1658 Undang-undang *Peang* (keluarga dan Harta Pusaka) memastikan pemindahan hak milik itu mengikut kehendak undang-undang sivil. Sebaliknya, jika pendaftaran tersebut tidak mengikut undang-undang, maka proses pendaftaran itu akan ditolak kecuali adanya surat akuan mahkamah yang mengizinkan dan mengesahkan pendaftaran. Contohnya, pembahagian harta pusaka adalah dipertanggungjawabkan kepada tok imam dan apabila pembahagiannya telah selesai maka surat akuan akan dikeluarkan. Surat akuan ini boleh diumpamakan sebagai surat damai bagi kaum keluarga berkenaan. Oleh itu, untuk mendapat pengesahan kerajaan,

---

<sup>20</sup> Artikel 50(1) *Lak Kodmai Islam*.

<sup>21</sup> Ahmad Wan Lembut, Timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Pattani, Temu bual pada 23 Mei 2013.

<sup>22</sup> Ibid.

seseorang itu perlu berdaftar di pejabat tanah. Maka di sini berlaku konflik kerana pendaftaran tersebut akan diterima sekiranya mempunyai persamaan dengan undang-undang Sivil. Jika didapati bertentang, maka ia akan ditolak oleh pihak berkenaan.

Seksyen yang ketiga akta pemakaian Undang-undang Islam B.E 2489 (1946) menyebut bahawa:

*“Dalam perbicaraan kes kekeluargaan dan harta pusaka orang-orang Islam di kawasan Patani, Yala, Narathiwat dan Satul di Mahkamah Rendah, sama ada orang Islam itu sebagai plaintiff atau defendant, maka Undang-undang Islam akan digunakan sebagai pengganti kepada Undang-undang Sivil’.*

Seseorang muslim yang tidak mahu dibicarakan mengikut Undang-undang Islam akan berpindah ke kawasan-kawasan selain daripada empat wilayah selatan dalam tempoh masa tertentu dan hasilnya keputusan perbicaraan akan berubah. Ini kerana, mengikut Undang-undang Sivil Seksyen 4 Akta Perbicaraan *Khuam Peang* ada menyebut bahawa:

*“Tuntutan dalam sebarang kes mal tidak dapat dilaksanakan kecuali di mahkamah di kawasan tempat tinggalnya”.*

Konflik ini sering berlaku apabila pihak pegawai tanah bersikap tegas dan mengikut peraturan yang dinyatakan dalam undang-undang. Dalam pertikaian mengenai harta pusaka akan berterusan tanpa sebarang kesudahan apabila pihak yang gagal mendapatkan hak dalam keputusan kes akan berusaha mencari jalan dengan mendakwa sekali lagi dan mencabar pendaftaran harta tersebut mengikut undang-undang Sivil di mahkamah. Dalam keadaan seperti ini, mahkamah akan berpandukan kepada undang-undang Sivil.

Begitu juga dengan kutipan cukai sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 47(1) (B) Akta Percukaian Negara (*Pra'mual Rasdakorn*) menyebut:

*“Dikecualikan pembayaran cukai kepada suami atau isteri”*

Peruntukan di atas memberi maksud kepada sebuah keluarga sahaja dan tidak ditafsirkan kepada seorang isteri atau suami atau kepada anak-anak yang sah tarafnya mengikut agama Islam.<sup>23</sup>

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, timbul persoalan jika dikaitkan hukum syarak yang mengizinkan kaum lelaki berkahwin sehingga empat orang isteri yang mana tafsiran keluarga tidak termasuk keluarga bagi isteri yang kedua dan seterusnya. Mengenai cukai pula, ia hanya dikenakan bagi mana-mana keluarga yang berpendapatan tinggi.

## **KESIMPULAN**

Dalam melaksanakan Undang-undang Islam di Thailand, kita mendapati bahawa kelemahan disebabkan beberapa halangan dan cabaran yang perlu dihadapi. Penulis mengutarakan tajuk ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya masyarakat Selatan Thailand supaya berjuang dalam menghadapi cabaran bagi merealisasikan Undang-undang Islam di bumi yang bertuah ini, dan kita dapat pelaksanaan undang-undang Islam di Thailand hanya tertumpu di tiga wilayah selatan dan wilayah Satul sahaja. Manakala wilayah-wilayah lain tidak terlibat untuk mengkuatkuasakan undang-undang ini. Oleh yang demikian, undang-undang Islam perlu diperluaskan ke seluruh Thailand bagi menggantikan undang-undang Sivil yang bercanggah dengan syariat Islam. Inilah yang dikatakan agama Islam lengkap dan syumul serta sesuai disepanjang masa dan tempat.

Dalam merealisasikan undang-undang Islam secara menyeluruh di bumi Thailand, cadangan dan kajian serta tindakan perlu dibuat. Pertamanya pindaan penambahbaikan undang-undang yang sedia ada perlu dibuat. Kedua mewujudkan Mahkamah Syariah yang khusus bagi menyelesaikan kes kekeluargaan dan pusaka Islam, pelantikan *Dato' Yutitham* atas dasar benar-benar berkelayakan dan sokongan masyarakat setempat dan menyediakan pusat latihan kehakiman dan guaman bagi melahirkan para hakim dan peguam yang berwibawa.

---

<sup>23</sup> Seksyen 47 (1) (C) Akta Rasdakorn (Percukaian)

## **BIBLIOGRAFI**

Ahmad Omar Chapakia (2001), “Undang-Undang Pentadbiran Islam di Thailand” (Kertas Kerja Seminar Kerajaan Negeri Pahang bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia di Dewan Besar Kolej Islam Pahang, 15-16 hb. Oktober 2001).

Arong Suttasana (1987), *Syariah And Codification- Thailand Experience, Syariah Law journal*, Januari 1987.

Dato’ Aziz Benhawan (1990), “Kadi di Selatan Thai”, *Syariah Law Journal*, Oktober 1990.

Munir Muhammad (1978), *Kodmai Islam* (Undang-Undang Islam), *Kerungteap: Samnak Pim Saisarnfan*.

Seksyen 28 *Kodmai Kha Bangkab 7 Hua Muang R.S. 120* (1901), (Akta Pentadbiran 7 Kawasan Negeri).

Seksyen 47 (1) (C) Akta *Rasdakorn* (Percukaian).

### **Temubual:**

Abdul Aziz Apirat , Kadi Wilayah Patani. Temubual pada 22 Mei 2011.

Abdul Aziz b. Che Mat, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Temubual pada 5 September, (2013).

Abdul Rahman b. Abdul Samad, Mantan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Temubual pada 5 September 2010.

Ahmad Wan Lembut, Timbalan Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Patani. Temubual pada 23 Mei 2013.

Dato’ Yutitham Ibrahim b. Sulaiman, Mahkamah Sivil Patani. Temubual pada 19 Ogos 2014.

Dr. Ahmad Omar Chapakia, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Patani. Temubual pada 8 Julai 2010.

Drs. Abd. Halem Hiley, Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Yala.  
Temubual pada 4 September 2014.